

Headline	Resah tebu tak dapat dijual		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	02 Nov 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	435 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,047
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,141



Resah tebu *tak dapat dijual*

Pekebun alami kerugian, 4,000 batang tebu tiada pasaran apabila pengilang hentikan pembelian

PAGOI - "Kami baru saja menceburkan diri dalam perniagaan jual tebu ini untuk dijadikan pendapatan utama, tapi kini hasrat itu seakan terpaksa dilupakan kerana pengilang dah tak beli lagi tanaman kali kedua yang diusahakan," luah dua pengusaha tebu yang baru sahaja menjalankan aktiviti pertanian itu sejak awal tahun ini.

A Bakar Idris, 58, berkata, keputusan dia bersama rakan baiknya, Yaakub Mustapha, 58, melibatkan diri dalam bidang itu adalah untuk menjamin masa depan mereka dan keluarga, selepas kedua-duanya menamatkan perkhidmatan dalam askar.

"Saya dan Yaakub baru saja berjinak-jinak dengan projek tanaman tebu tahun ini kerana hasilnya menguntungkan. Sebelum terlibat bidang ini, kami ada juga bertanya kepada beberapa pengusaha tebu yang lain. Mereka bagi tahu tanaman tebu memang berbaloi.

"Tapi selepas banyak modal dilaburkan dalam bisnes ini, kami dapati jualan tebu mulai merosot. Ini kerana



Yaakub (kiri) dan A Bakar menunjukkan lambakan tanaman tebu di ladang mereka yang sudah rosak dan tua kerana tidak lagi diborong.

sebuah kilang yang selama ini sering membeli hasil tebu petani di sini, kini dah tak lagi mahu mengambilnya," katanya kepada *Sinar Harian*, di ladangnya di Kampung Simpang Baba, Jorak, di sini.

Menurut A Bakar, keadaan itu menyebabkan mereka berdua mengalami kerugian

besar apabila wang simpanan telah digunakan sebagai modal memulakan perniagaan.

"Sebahagian wang dah dilaburkan untuk bersihkan semula tanah belakang rumah milik Yaakub. Lokasi itu dijadikan sebagai ladang tebu, turut dilengkapi dengan sistem perparitan yang sempurna.

"Diatas tanah seluas hampir 0.81 hektar ini, kami peruntukan sehingga 4,000 batang untuk tanam tebu jenis gred AA. Ia dijual pada harga RM2.30 ke RM2.50 sebatang, bergantung saiz dan panjang tebu yang menjangkau lebih 3.05 meter," katanya.

Manakala menurut

INFO ● Tebu tidak dijual selepas tempoh matang pada Jun lalu, kilang beri alasan alami lambakan

Yaakub pula, dia terkilang kerana keuntungan jualan tanaman tebu itu hanya sempat dirasai sekali sahaja sebelum tanaman kali kedua yang matang pada Jun lalu sudah tidak dibeli.

"Habis 4,000 batang tebu tak dijual selepas tempoh matang pada Jun lalu. Alasan pengilang tak beli tebu kami kerana mereka kini mengalami lambakan tebu. Selain kami, beberapa pengusaha tebu lain di Muar juga meluahkan masalah sama.

"Sedangkan kami dah turunkan hampir 50 peratus harga bagi memastikan semua tebu ini dapat diborong. Mungkin tanaman ini tak lagi

boleh diusahakan. Mungkin juga tiada lagi cara lain selain kami terpaksa keluar modal baru untuk bersihkan ladang ini dan tukar kepada tanaman pisang pula," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi Negeri, Ismail Mohamed ketika dihubungi berkata, semakan awal bersama jabatan terlibat mendapati tiada masalah berkaitan bekalan eksport tebu di negeri ini kepada negara jiran.

Bagaimanapun ujarnya, beliau akan menyalurkan masalah terbabit dan meminta jabatan pertanian untuk berbincang dengan pekebun bagi mencari penyelesaian.

"Saya juga akan minta Fama kenal pasti hasil-hasil ini sama ada boleh dijual di daerah atau negeri berdekatan jika di pihak pengusaha tiada masalah," katanya.



ISMAIL